

KOMUNIKASI KELUARGA DAN SALAH LAKU REMAJA

ROSLINA BINTI BAKAR



114727

114727

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

1999

Abstrak

Komunikasi keluarga adalah suatu dimensi penting dalam perkembangan anak-anak. Tahap remaja adalah di mana gabungan perubahan fisiologi, emosi dan kognitif mengelirukan anak-anak. Perubahan peranan menyebabkan proses penterjemahan mesej remaja lebih kompleks. Kajian ini ingin melihat perhubungan di antara tiga dimensi komunikasi keluarga dengan salah laku remaja. Komunikasi terbuka memberikan peluang untuk remaja meluahkan perasaan dan pendapat manakala komunikasi kawalan mengharuskan remaja akur kepada autoriti ibu bapa atau penjaga dan konflik komunikasi merupakan tiga dimensi komunikasi yang dikaji. Konflik komunikasi remaja-keluarga terhasil daripada penterjemahan mesej ahli keluarga dan tidak selalunya dilupakan tanpa penyelesaian. Sampel kajian merupakan 328 pelajar-pelajar (tingkatan 1,2,4,dan 6 rendah) enam buah sekolah menengah di Jitra, Kedah Darul Aman dengan pecahan 149 pelajar lelaki dan 179 pelajar perempuan. Kajian berbentuk kuantitatif menggunakan instrumen Corak Komunikasi Keluarga (Ritchie,1991), item Konflik Komunikasi Keluarga yang dibina oleh pengkaji dengan 4 soalan daripada Item Perhubungan Keluarga (Cernkovich & Giordano,1987) dan Pengakuan Salah Laku (Elliot & Ageton,1980). Dapatan menunjukkan bahawa konflik komunikasi memainkan peranan penting sebagai penunjuk kecenderungan salah laku bagi kedua-dua jantina remaja. Corak komunikasi tidak menunjukkan hubungan terus yang signifikan kepada salah laku bagi remaja lelaki tetapi komunikasi terbuka menunjukkan perhubungan yang signifikan dengan salah laku secara negatif bagi remaja perempuan. Ini mencadangkan bahawa proses intervensi salah laku adalah melalui pengurusan konflik komunikasi keluarga. Komunikasi terbuka dalam keluarga boleh mengurangkan konflik komunikasi dan salah laku bagi remaja perempuan. Pengurangan konflik bagi remaja lelaki agak sukar kerana perlu ada keseimbangan antara komunikasi terbuka dan komunikasi kawalan yang memerlukan kajian yang lebih lanjut.

Komunikasi Keluarga Dan Salah Laku Remaja

1.0 Pengenalan

Komunikasi merupakan satu elemen penting dalam fungsi perkembangan keluarga yang membentuk budaya keluarga. Ciri keluarga sebagai satu kumpulan yang kecil di mana ahli-ahli mempunyai peranan tertentu dalam persekitaran interaksi yang rapat memungkinkan kajian ke atas ketidakstabilan fungsi keluarga yang melibatkan komunikasi. Perubahan remaja dari segi biologi, fisiologi, konsep sendiri, identiti dan peranan memerlukan bimbingan samada dalam bentuk sokongan atau kawalan, dalam masa yang sama diberi peluang untuk memegang tanggungjawab sebagai orang dewasa. Komunikasi keluarga memainkan peranan penting dalam menyampaikan mesej tersebut.

Perubahan sosial semasa telah mengubah pandangan terhadap struktur keluarga tradisional; bapa tidak lagi dilihat sebagai satu-satunya sumber ekonomi keluarga. Masa untuk bersama anak-anak adalah kurang bagi ibu bapa yang bekerja berbanding dengan hanya ibu atau bapa yang bekerja. Walaupun begitu kualiti masa yang diberikan kepada anak-anak tidak dapat diukur melalui kuantiti masa yang diluahkan. Tahap pendidikan masyarakat yang lebih tinggi telah mengubah cara ibu bapa mendidik anak-anak. Walaupun begitu, corak didikan anak-anak Asia masih mengutamakan anak-anak untuk akur, patuh kepada ibu bapa, menghormati adat resam dengan ibu bapa mempunyai kuasa autoriti. Ini berbeza dengan masyarakat eropah di mana anak-anak boleh menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap ibu bapa dan kreativiti serta inovasi lebih diutamakan daripada adat resam (Feldman et al., 1991). Pengaruh ini dibawa melalui media massa ke Asia dan anak-anak terutama sekali remaja mula melihat perbezaan pendekatan ini dan membuat perbandingan dengan apa yang mereka alami di dalam persekitaran keluarga mereka.

Chiam dan Fatimah (1982) dalam kajian mereka terhadap remaja bandar dan keluarga mereka di Malaysia mendapati wujudnya konflik ibu bapa-remaja akibat daripada kurangnya komunikasi. Remaja-remaja tersebut merasakan ibu bapa tidak memahami mereka. Mereka tidak diberi banyak peluang untuk melakukan apa yang mereka sukai, kebanyakan daripada rancangan mereka mendapat tentangan ibu bapa dan mereka tidak dibenarkan keluar bersama kawan-kawan. Sebanyak 20.5% - 33.3% remaja menyatakan mereka tidak ada sesiapa untuk tempat meluahkan perasaan di kalangan keluarga mereka dan 15.6%-23.3% menyatakan mereka tidak boleh berbincang mengenai beberapa perkara di dalam keluarga. Kajian Chiam dan Nik Azis (1982) yang melibatkan profil remaja luarbandar mendapati hubungan sebahagian besar ibu bapa-remaja adalah rapat. Konflik ibu bapa-remaja tidak timbul kerana anak-anak mengalah akibat daripada rasa hormat kepada ibu bapa. Walaupun begitu remaja-remaja tersebut lebih dibebani oleh harapan tinggi ibu bapa terhadap mereka.

Kajian perbandingan Ch'ng (1976) mengenai konsep sendiri remaja yang terlibat dengan salah laku dan remaja yang tidak terlibat dengan salah laku mendapati bahawa kekecewaan dan rasa disisihkan dirasakan oleh remaja yang terlibat dengan salah laku disebabkan oleh kurangnya kasih sayang, penghargaan dan sokongan oleh ahli-ahli yang penting bagi hidup mereka terutamanya ibu bapa. Kurangnya perhatian keluarga merupakan keadaan yang paling banyak dihadapi oleh penagih-penagih dadah di pusat-pusat pemulihan (Mahmood et al., 1998). Keadaan kehidupan keluarga yang tidak menggalakkan perkembangan sosial yang sihat mengakibatkan remaja tersebut melibatkan diri dengan perbuatan salah laku.

Kajian Agensi Dadah Kebangsaan bersama Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Putra Malaysia (Laporan Dadah, 1997) mengenai perbezaan antara penagih Melayu, Cina, India, Bumiputra Sabah dan Sarawak berkaitan penglibatan mereka dalam penagihan dadah mendapati kurangnya tahap komunikasi dalam keluarga penagih. Komunikasi lebih banyak berkisar kepada ibu berbanding dengan bapa. Ibu bapa kurang mementingkan nilai pelajaran anak-anak dan kekuatan pengaruh rakan sebaya memainkan peranan menjerumuskan mereka ke dalam penagihan dadah. Laporan

Dadah (1997) juga melaporkan terdapat lebihkurang 2750 orang penagih yang berumur antara 13 sehingga 19 tahun pada tahun 1997 berbanding dengan 1410 orang penagih dalam julat umur yang sama pada tahun 1996.

1.1 Masalah Salah Laku Remaja Kini

Statistik Penjara (1997) oleh Jabatan Penjara Malaysia menunjukkan jumlah banduan sabit kesalahan yang berumur kurang daripada 21 tahun sehingga hujung Disember 1991-1997 semakin meningkat kecuali bagi tahun-tahun 1995 dan 1996 dengan 1315 banduan pada tahun 1997.

Walaupun begitu laporan Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam Bank Data Negeri/Daerah Malaysia (Disember,1998) mencatatkan 4845 bilangan pesalah di bawah umur 18 tahun bagi tahun 1997 di mana 4380 melakukan kesalahan pertama dan 465 ditangkap kerana kesalahan berulang. Jelas menunjukkan kebanyakan pesalah di bawah umur telah diletakkan di bawah pengawasan Jabatan Kebajikan Masyarakat di Pusat Pemulihan Akhlak atau Pusat Tahansentara.

Datuk Ong Ka Ting, Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia menyatakan bahawa dalam enam bulan pertama 1998, seramai 3657 remaja telah ditangkap kerana jenayah kekerasan (Utusan Malaysia,12 Ogos 1998). Kajian oleh Gabungan Pelajar Semenanjung Malaysia pula mendapati seramai 14,357 orang pelajar telah dibuang sekolah pada tahun 1997 manakala sehingga Ogos 1998, seramai 8971 pelajar telah dibuang sekolah atas kesalahan tatatertib (Utusan Malaysia,23 Februari1999).

Negeri Kedah menduduki tempat keempat di Malaysia selepas Selangor, Johor, dan Perak dalam bilangan pesalah bawah umur 18 tahun dan lebih tinggi daripada bilangan pesalah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Pulau Pinang yang merupakan bandar-bandar besar (Buku Maklumat Perangkaan Malaysia, 1998).

Perangkaan penglibatan pelajar-pelajar sekolah dalam jenayah bagi tempoh Januari – Disember 1997 daripada rekod Ibu Pejabat Polis Daerah Kubang Pasu mencatatkan 96 kes kesalahan yang melibatkan pelajar lelaki